

Dunia Wartawan

Lepasan Sekolah Desa

Menjadi Pensyarah di Akademi Wartawan

Banyak orang di dalam dunia ini yang tidak mendapat kesempatan belajar di sekolah tinggi atau universiti – untuk mencapai diploma dan *degree* – tetapi telah berjaya membina dan memajukan dirinya dalam sesuatu cawangan ilmu yang dipilihnya dan mendapat kedudukan yang penting dalam masyarakatnya.

Di antara orang-orang yang berjaya itu ialah almarhum wartawan Parada Harahap yang kita sajikan di sini – sesudah dari riwayat hidupnya – P. Q.*

Almarhum Parada Harahap ialah seorang wartawan yang banyak mengarang dan menerbitkan buku-buku yang sampai sekarang masih digemari orang.

Beliau seorang *self-mademan*, atau orang yang memajukan dirinya sendiri dengan belajar terus menerus, kerana di waktu kecilnya tidak mendapat kesempatan belajar di sekolah selain daripada sekolah *government* disebut Sekolah Kelas Dua. Sambil bekerja terus belajar bahasa-bahasa Belanda dan Inggeris serta pengetahuan umum, sehingga pernah menjadi pendengar di Sekolah Hakim Tinggi di Jakarta.

Dalam usia 19 tahun, iaitu pada tahun 1918 beliau sudah mulai memegang jawatan dalam lapangan persuratkhabaran di Medan dan demikianlah terus menerus beliau pindah ke Padangsidempuan dan Jakarta, mengemudikan berbagai-bagai surat khabar harian.

Akhbar Bintang Timur

Di antara surat khabar-surat khabar terutama yang pernah dipimpinnya ialah surat khabar ((Neracha)) dan

((Bintang Timur)) kemudian ((Cahaya Timur)) yang hidup sampai tahun 1942. Berhenti terbit kerana diberhentikan oleh Jepun, lalu beliau diangkat menjadi pemimpin harian “Sinar Baharu” di Semarang sehingga tahun 1945.

“Dari Pantai ke Pantai”

Dalam tahun 1925-1926 beliau sudah tulis dan terbitkan berbagai-bagai buku yang menarik hati, seperti buku tentang ((Jurnalistik dan Pers)), kemudian buku tentang ((Jurnalistik di Amerika)), sedang buku ((Dari Pantai ke Pantai)), sebuah buku perjalanan mengedari Pulau Sumatera sampai ke Tanah Melayu diterbitkan pula pada tahun itu.

“Melati van Agam”

Sebuah roman pendek yang terkenal, ((Melati van Agam)), dari ((*Swan Fin*)) disadurnya menjadi sebuah roman yang masyhur, yang dipertunjukkan orang pula menjadi sandiwara dan beberapa kali dijadikan filem bisu dan filem bercakap.

Sebagai timbalan ((Melati van Agam)) roman

Kecuali perjalanan jurnalistik yang

perkahwinan paksa dikarangkan pula sebuah buku

dituliskannya dalam surat khabar-surat khabar juga dibukukan

((Rose van Batavia)), menceritakan hidupnya seorang

seperti ((Menuju Matahari Terbit)), dalam tahun 1933,

gadis yang berfaham sangat merdeka.

perjalanan ke negeri Jepun, sedang sebuah buku yang

meriwayatkan perindustrian dan perekonomian di Jawa

Merantau ke Luar Negeri


ditulisnya pula pada tahun 1941, iaitu ((Indonesia

Perkara yang amat digemarinya adalah membuat perjalanan

Sekarang)).

di seluruh Indonesia dan kadang-kadang ke luar negeri.

Dalam masa Perang Dunia Kedua, ditulisnya sebuah



Guru-guru Madrasah al-'Ulüm al-Dīniyyah, Dong, Pahang bergambar ramai untuk kenangan dengan Tuan Salleh Uthman Pegawai Hubungan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat dari Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu yang telah melawat ke madrasah itu baharu-baharu ini. Duduk di tengah-tengah ialah Tuan Salleh Uthman. Berdiri dari kanan: Ustaz Muhammad Tarikh, Ustaz Abdullah Saruji – Guru Besar Madrasah, Ustazah Jamilah, Ustazah Radhiah, Ustaz Umar dan Ustaz Mokhtar.

buku ((Nippon Dalam Masa Perang)) sebagai hasil lawatannya ke negeri Jepun ketika perang sedang memuncak.

Dalam permulaan tahun 1947 beliau di utus oleh Kementerian Penerangan Republik Indonesia memimpin rombongan ke seluruh Sumatera yang menyebabkan beliau tertahan di Bukit Tinggi 8 bulan lamanya kerana pencerobohan Belanda yang pertama, lalu bekerja menjadi Koordinator Penerangan Sumatera, beliau kumpulkan keterangan-keterangan tentang perjuangan kemerdekaan ((Vietnam)), lalu sekembalinya di Jakarta diterbitkannya buku ((Vietnam Merdeka)).

Buku-buku tentang Jurnalistik

Buku-buku tentang Jurnalistik sangat digemarinya, hingga pada tahun 1947 dan 1948 terbit dua buah buku, yang bernama ((Pers dan Masyarakat)) dan yang sebuah lagi ((Kemerdekaan Pers)).

Dalam jawatannya sebagai Pegawai Tinggi di Kementerian Penerangan semenjak tahun 1945 di Jakarta, ada beberapa buah buku-buku dan risalah yang ditulisnya, seperti ((Saat Bersejarah)), yang meriwayatkan perjuangan Republik Indonesia sampai pada Persidangan K.N. I.P. di Malang yang beriwayat itu, sedang pada tahun 1951 terbitlah buku ((Ilmu Pers)), sementara buku ((Ilmu Jurnalistik)) sedang di dalam percetakan.

Sebagai hasil peninjauannya di Toraja, yang dahulunya pernah dikunjunginya pada tahun 1928, di waktu menjadi Ketua Pengarang ((Bintang Timur)) dan yang akhir sekali dalam tahun 1947, ketika menjadi Pegawai Tinggi Kementerian Penerangan N.I.T. diterbitkannya buku ((Toradja)).

Sesudah Negara Kesatuan beliau dipanggil memegang jawatan Ketua Bahagian Dokumen di Kementerian Penerangan sambil merangkap jawatan Pengarah ((Kursus Pendidikan Staf Kementerian Penerangan)).

Pensyarah di Akademi Wartawan

Di samping itu didirikan pula sebuah Akademi Wartawan sebagai lanjutan dari kursus Ilmu Jurnalistik yang didirikannya di Makasar dan pada Akademi Wartawan ini beliau menjadi pensyarah dan memberi kuliah dalam *press* dan jurnalistik.

(Beliau kemudian menjadi pensyarah pula di Akademi Wartawan di Jakarta sehingga akhir hayatnya).

Darah jurnalistik yang mengalir pada tubuhnya menyebabkan beliau menubuhkan syarikat percetakan dan penerbitan ((Bintang Timur)), yang menerbitkan mingguan ((Lukisan Dunia)) dan harian ((Bintang Timur)) kembali sebagai lanjutan dari surat khabarnya sebelum Perang Dunia Kedua. Sebab itu ia meletakkan jawatannya di Kementerian Penerangan.

Dalam syarikat baharu ini beliau menjadi Ketua Pengarah sambil merangkap Ketua Pengarang, dan dalam kesempatan inilah beliau meninjau sekali lagi ke Tokyo sebagai peninjauan yang ketiga kalinya, iaitu pada tahun 1933 (sebelum perang), tahun 1943 (sewaktu perang) dan tahun 1953 (sesudah perang), yang menghasilkan sebuah bukunya lagi iaitu ((Jepun Baharu)).

Demikian sesudahnya dari riwayat hidupnya, yang tersunting di dalam bukunya yang akhir itu.